

**Ahli Parlimen Bukit Mertajam desak Paul Low laksana resolusi TI-M**  
**Malaysian Insider**  
**July 11 , 2013**  
**Oleh Hasbullah Awang Chik**

Ahli Parlimen Bukit Mertajam Sim Chee Keong menuntut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low (gambar) melaksanakan prinsip-prinsip yang diketengahkan dalam buku terbitan Transparency International-Malaysia (TI-M) pada 2012 bertajuk "Reforming Political Financing in Malaysia" yang mana Low merupakan presiden TI-M pada ketika itu.

Beliau turut menyarankan Low melaksanakan kesemua 22 saranan TI-M untuk membuktikan bahawa beliau tidak munafik dan enam daripada 22 saranan tersebut patut dilaksanakan serta-merta.

"Pertama, melakukan pembaharuan dalam Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), termasuk memecat pengerusi dan timbalan pengerusinya untuk memastikan kemerdekaan dan integriti SPR. Kedua, mendesak parti politik mengumumkan akaun mereka termasuk kedatangan sumber kewangan. Ketiga, menghadkan perbelanjaan parti politik dan bukan perbelanjaan calon sahaja seperti sekarang."

"Keempat, melarang parti politik memiliki atau terlibat dalam perniagaan samada secara langsung atau secara tidak langsung. Kelima, kerajaan perlu terus menyumbangkan dana kepada parti-parti politik dan keenam melarang parti politik memiliki mana-mana media untuk memastikan persaingan yang adil," kata Sim dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Sim, laporan Barometer Rasuah Global (GCB) yang diumumkan oleh TI-M tidak mengejutkan malah kegagalan kerajaan dalam menentang rasuah adalah perkara yang rakyat maklum dan juga satu perkara yang menyebabkan kemarahan rakyat.

"Pelantikan Low sebagai 'menteri integriti' adalah satu drama kerana sebahagian daripada seratus hari pertama Low menjadi menteri, dijangkakan mampu menjadi suara progresif dalam kerajaan namun hal itu tidak wujud. Beliau telah berada dalam kerajaan yang dicemari rasuah," kata Sim dalam satu kenyataan hari ini.

"Low menyokong perkara yang tiada asas yang kuat. Contohnya beliau mempertahankan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan menolak untuk membela tuntutan rakyat untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC)," tambahnya.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Mertajam itu, menjelang seratus hari pertama pelantikan Low sebagai menteri, ada dua perkara yang boleh dilakukan untuk menunjukkan keikhlasan melakukan reformasi dalam kerajaan, iaitu pembaharuan kepada dua badan yang rakyat merasakan paling banyak terlibat dengan rasuah iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan parti politik menurut Laporan Barometer Rasuah Global.

"Hanya melalui penubuhan IPCMC, integriti dan profesionalisme PDRM dapat dikembalikan dan seterusnya menyelesaikan kadar jenayah yang sering meningkat."

"Saya juga mencadangkan IPCMC bukan sahaja mengambil tindakan disiplin terhadap polis, malah mempunyai kuasa untuk melantik polis yang berfungsi dengan baik. Ini mampu memastikan pelantikan polis adalah berdasarkan prestasi dan bukan campur tangan politik seperti yang didedahkan oleh bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan," ujar Sim.

Beliau menuntut Low melaksanakan tuntutan TI-M untuk membuktikan bahawa beliau bukan munafik.

Semalam Pengarah NKRA Anti Rasuah Pemandu, Ravindran Devagunam berkata Pemandu mengakui keputusan 2013 Barometer Rasuah Global (GCB) yang dikeluarkan Transparency International dan menjadikannya sebagai dorongan untuk terus mendesak ke arah lebih banyak pembaharuan.

Dalam kaji selidik GCB yang dikeluarkan semalam, 87 peratus rakyat Malaysia bersetuju bahawa orang kebanyakan boleh membawa perubahan dalam usaha memerangi rasuah. Ravindran berkata kaji selidik itu menunjukkan jumlah peratusan memberangsangkan orang ramai yang sedia bekerjasama dalam membasmi rasuah.

Ravindran berkata rangka kerja Pembiayaan Kewangan Pembasmian Rasuah NKRA akan melaksanakan peranan lebih besar dalam menangani isu rasuah politik susulan keputusan GCB yang mengenal pasti parti politik dan pegawai awam termasuk ahli Parlimen sebagai golongan paling ramai terbabit dalam rasuah. - 11 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahli-parlimen-bukit-mertajam-desak-paul-low-laksana-resolusi-ti-m/>